

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM RIANG RIUH RAYA
DAN MALAYSIAN MARKETPLACE@PAVILION
BERSEMPENA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA**

PADA

20 APRIL 2021 (SELASA)

TEMPAT

PAVILION KUALA LUMPUR

YANG SAYA HORMATI SAUDARI PENERUS MAJLIS,

**YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM BIN
HAJI AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**YANG BERUSAHA DR. ALAUDDIN BIN SIDAL
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERDAGANGAN DALAM
NEGERI)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK ABDUL WAHAB KHALIL
PENASIHAT
KUALA LUMPUR PAVILION SDN. BHD.**

**YANG BERUSAHA PUAN KUNG SUAN AI
PENGARAH (PEMASARAN)
PAVILION KUALA LUMPUR**

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN KPDNHEP

USAHAWAN-USAHAWAN PEMPAMER

RAKAN-RAKAN MEDIA

**YANG BERBAHAGIA DATUK-DATUK, DATIN-DATIN,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.**

1. Pertamanya, saya mengucapkan rasa kesyukuran kerana dapat kita bersama-sama hadir ke majlis perasmian **Riang Rih Raya dan Malaysian Marketplace@Pavilion 2021** pada petang yang berbahagia ini.

2. Saya amat berbesar hati dan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan strategik KPDNHEP iaitu pihak Pavilion Kuala Lumpur yang menjadi tuan rumah kepada penganjuran program yang julung-julung kali diadakan ini.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada usahawan pempamer yang terdiri daripada usahawan-usahawan PKS tempatan atas kerjasama dengan pihak Kementerian bagi menjayakan program ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga ditujukan kepada semua yang sudi hadir dan memberikan sokongan kepada setiap program yang dianjurkan oleh kementerian selama ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program Riang Rih Raya dan Malaysian Marketplace ini adalah merupakan sebuah program yang dianjurkan secara bersama oleh KPDNHEP dengan Pavilion Kuala Lumpur yang bertemakan perayaan Aidilfitri bersempena dengan **Kempen Beli Barangan Malaysia** dan **Program Jualan Malaysia** pada tahun ini. Melalui program seumpama

ini, ia diharap dapat **merancakkan semula aktiviti ekonomi domestik semasa musim perayaan di samping mewujudkan kerjasama antara KPDNHEP dengan pemain industri peruncitan khususnya pusat-pusat beli belah di negara ini.**

5. Saya dimaklumkan bahawa program Riang Rih Raya dan Malaysian Marketplace@Pavilion yang **bermula pada 15 April** telah mendapat sambutan yang amat baik di kalangan pengunjung pusat beli belah Pavilion. Pada masa yang sama saya mengharapkan agar pihak Pavilion dan para pengunjung agar dapat bersama-sama **memastikan norma baharu dipraktikkan dengan mengamalkan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.**

6. Untuk makluman hadirin sekalian, kerjasama strategik di antara KPDNHEP bersama-sama dengan Pavilion adalah merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan melalui **Kempen Beli Barangan Malaysia** dan **Program Jualan Malaysia** bagi merancakkan dan membantu memulihkan ekonomi Malaysia yang terkesan ekoran pandemik COVID-19.

7. Kerjasama ini adalah salah satu contoh bagaimana semua pihak bersama-sama menggembeng usaha bagi membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana mengharungi cabaran ekonomi yang sukar pada masa kini. Kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak inilah yang sebenarnya telah memberikan nilai yang cukup bermakna

kepada Malaysia kerana ia memberi satu isyarat bahawa kepada semua bagi mengharungi tempoh sukar ini, maka sikap kerjasama itu perlu diterjemahkan melalui penganjuran kempen seumpama ini.

8. KPDNHEP merupakan kementerian yang telah diberikan tanggungjawab oleh Kerajaan bagi melaksanakan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) yang memberikan tumpuan khusus untuk memperkasa dan memulihkan ekonomi negara. Kempen ini merupakan salah satu inisiatif strategik untuk merangsang dan merancakkan semula pertumbuhan ekonomi domestik melalui sektor peruncitan dan telah dilancarkan pada 18 Julai 2020 yang lalu. Kementerian sedar bahawa semasa pelaksanaan siri perintah kawalan pergerakan ini, tidak dapat dinafikan ianya telah menjejaskan banyak pihak, sama ada di pihak kerajaan, swasta mahupun mana-mana golongan. Bagi sektor peruncitan pula, meskipun sektor ini telah dibuka seperti sedia kala, namun ianya mengambil masa untuk pulih kembali sebagaimana sebelum pandemik berlaku.

9. Tempoh pemulihan pasca-pandemik ini adalah amat kritikal bagi menentukan kesejahteraan hidup rakyat pada masa akan datang. Beberapa langkah proaktif di bawah **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara** telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu semua pihak, baik peniaga kecil dan sederhana mahupun rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Pelbagai insentif secara langsung atau tidak langsung telah diumumkan bertujuan bagi memastikan ekonomi negara kekal mampan dan berdaya saing.

10. Maka itu, Kempen Beli Barangan Malaysia yang telah digerakkan secara giat sejak Julai 2020 ini mampu memberi lonjakan berterusan terhadap permintaan kepada barangan keluaran pengusaha-pengusaha tempatan, sekali gus memberikan kesan positif kepada usahawan kecil dan sederhana. Saya berharap program-program yang melibatkan sektor peruncitan khususnya di pusat-pusat membeli belah sebagaimana yang kita dapat lihat melalui program pada hari ini dapat diteruskan dan dipanjangkan kepada negeri-negeri lain. Saya percaya, usahawan-usahawan kecil dan sederhana sangat bergantung kepada program-program seperti ini.

11. Melalui inisiatif penembusan produk-produk buatan Malaysia dalam sektor peruncitan di pelbagai rangkaian **pasar raya besar (hypermarket)** luar negara dan tempatan, pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia ini telah berjaya mencatatkan impak positif peningkatan nilai jualan produk-produk tempatan yang signifikan iaitu berjumlah **RM1,682,285,362.28 (RM1.68 billion) pada suku keempat (Q4) bagi tahun 2020** berbanding **RM1,621,290,594.91 (RM1.62 billion) pada suku ketiga (Q3) bagi tahun 2020**. Peratusan peningkatan yang dicatatkan adalah berjumlah **3.8%**.

12. Selain itu, nilai jualan bagi produk-produk buatan Malaysia juga telah mencatatkan peningkatan yang begitu besar di platform-platform perniagaan **atas talian (marketplace)** utama di negara ini seperti Shopee, Lazada dan PG Mall. Pada suku keempat (Q4) tahun 2020, nilai jualan produk-produk buatan Malaysia di *marketplace* utama adalah

berjumlah **RM102,220,375.41 (RM102 juta)** berbanding pada suku ketiga (Q3) tahun yang sama berjumlah **RM43,533,645.57 (RM43 juta)**

13. Secara keseluruhannya, **jumlah jualan produk tempatan bagi *hypermarket* dan *marketplace* pada suku keempat (Q4) 2020** adalah berjumlah **RM1,784,505,737.69 (RM1.7 billion)** berbanding pada suku ketiga (Q3) 2020 yang berjumlah **RM1,664,824,240.48 (RM1.6 billion)** iaitu peningkatan sebanyak **7.18%**.

14. Bagi pencapaian **Program Jualan Malaysia (PJM)** pula, sepanjang tempoh PJM tahun 2020 dilaksanakan, PJM telah **berjaya melepasi sasaran jualan yang ditetapkan**, di mana nilai jualan sektor runcit pada suku keempat tahun 2020 telah mencatatkan nilai jualan sejumlah **RM135.9 billion**, iaitu melebihi sasaran nilai jualan yang ditetapkan oleh Kementerian iaitu **RM100 billion**. Pada PJM tahun 2021, Kementerian mensasarkan nilai jualan adalah pada jumlah **RM120 bilion**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Sempena program Riang Rih Raya dan Malaysian Marketplace, Kementerian mengucapkan terima kasih kepada syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana yang turut serta pada petang ini dengan membawa produk-produk mereka seperti yang kita saksikan sekarang. Sejumlah **12 buah syarikat PKS tempatan** yang terlibat

dalam program ini yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti **makanan dan minuman, pakaian, kelengkapan rumah, kecantikan dan penjagaan diri**. Ramai lagi usahawan pempamer yang menyatakan hasrat untuk turut serta namun ianya terbatas disebabkan oleh kekangan ruang pameran. Oleh itu, Kementerian mengharapkan penerimaan yang baik serta sambutan yang hangat oleh pengunjung pusat membeli belah Pavilion Kuala Lumpur.

16. Bagi menunjukkan sokongan kepada pengusaha dan peniaga tempatan, saya menyeru agar kita dapat mengutamakan pembelian barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia. Usaha ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import di samping dapat membantu meningkatkan pengeluaran produk tempatan. Pada masa yang sama kita dapat membeli produk keluaran tempatan yang berkualiti pada tawaran harga yang lebih rendah. Kita pastikan setiap perbelanjaan juga adalah lebih nilai untuk wang (*value for money*), berpatutan dan berkualiti.

17. Saya difahamkan bahawa pihak Pavilion Kuala Lumpur juga telah merancang pelbagai aktiviti dan pengisian sepanjang **5 minggu** program ini dijalankan yang bertujuan untuk menyuntik kemeriahan dan menarik kehadiran para pengunjung seisi keluarga. Antara program yang dirancang adalah seperti persembahan kebudayaan dan *busking*, promosi jualan harga istimewa, demonstrasi produk oleh pempamer, permainan berinformasi, taklimat kaedah perniagaan oleh *Key Opinion Leader, instafamous dan influencer* serta pelbagai lagi aktiviti lain yang telah dirancang. Saya berharap dengan pelbagai aktiviti dan

program yang dirancang ini, akan membantu menarik lebih ramai pengunjung untuk membeli-belah di sini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Pada kesempatan ini, saya meminta berharap orang ramai terutamanya penduduk di sekitar Lembah Kelang dapat memberi sokongan kepada program ini yang berlangsung dari **15 April sehingga 23 Mei 2021**. Tuan-tuan juga dipohon supaya dapat menghebahkan kepada rakan-rakan dan saudara-mara tentang program ini. Saya percaya ramai antara kita sedang membuat persediaan untuk menyambut kedatangan Syawal tidak lama lagi dan ambillah peluang ini untuk mendapatkan keperluan masing-masing.

19. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan penghargaan kepada penggiat industri peruncitan yang telah memberikan kerjasama kepada Kementerian khususnya kepada pihak Pavilion Kuala Lumpur dan juga kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan Program Riang Rih Raya dan Malaysian Marketplace ini.

20. Saya dengan ini melancarkan Program Riang Rih Raya dan Malaysian Marketplace 2021.

Salam hormat.

Sekian, terima kasih.